**D.R. 19/2006**

RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2006.

(2) Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 27 Mac 2004.

**Pindaan seksyen 2**

2. Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 *[Akta 389],* yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dalam takrif "Minister", dengan menggantikan perkataan "Minister of Education" dengan perkataan "Minister of Higher Education".

**Pindaan seksyen 5**

**3.** Perenggan *5(1)(b)* Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Ministry of Education" dengan perkataan "Ministry of Higher Education".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 ("Akta 389").

*2. Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dieadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 389 dalam lakrif Menteri bagi merujuk kcpada Mcnteri yang bertanggungjawab bagi pengajian linggi.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 389 untuk menggantikan scbutan mengenai Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

*IMPUKASl KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U$^2$)2427]